



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEDAH PERKENAL DURIAN BAHARU, LOKAL, HM -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	FINDING MACKEREL, LEADER, NST -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	FAMA: SPONSORSHIP AND CONTENT IS FAKE, SIN CHEW DAILY -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	TECH BOOST FOR FOOD SECURITY, NEWS, NST -3	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
5.	AGROBANK DIPILIH NAIB PENERUSI ADFIMI, EKONOMI, UM -35	AGROBANK
6.	AGROBANK TERUS KOMITED SOKONG AKTIVITI AGROMAKANAN NEGARA, BISNES, HM -23	
7.	KEBUN MINI RAIH RM7,000 SEMUSIM, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN
8.	KEBUN MINI BERI PULANGAN RM7,000, NEGARA, KOSMO -17	
9.	HARGA AYAM RM10 SEKILO TIDAK MASUK AKAL, DALAM NEGERI, UM - 1 & 6	
10.	SAUDAGAR NANAS SUNGAI MERAB, K2, KOSMO -19	
11.	LADANG NANAS JADI LOKASI TULAR AGROPELANCONGAN, K2, KOSMO -20	
12.	NANAS JADI BAHAN UTAMA PRODUK PENJAGAAN KULIT, K2, KOSMO -21	
13.	MUSANG KING PAHANG JADI BURUAN, NEGARA, KOSMO -14	
14.	ORANG SINGAPURA LEPAS GERAM CARI DURIAN SAMPAI KE BATU PAHAT, NEGARA, KOSMO -14	
15.	DURIAN J SPARROW DAN JERAI DARI KEDAH, NASIONAL, SH -20	
16.	PERLUAS PROGRAM AGROPRENEUR, BISNES, HM -22	
17.	ANGKASA TUMPU AGROMAKANAN, NEGARA, KOSMO -4	
18.	ANGKASA, IFFCO METERAI MoU, BISNES, SH -28	
19.	PENIAGA RISAU BEKALAN AYAM MAKIN KURANG, NEGARA, KOSMO -16	
20.	BELI DRON RM40,000 SEMBUR RACUN DI SAWAH, NASIONAL, SH -4	
21.	JANA PENDAPATAN RM30,000 JUAL BELUT, NASIONAL, BH -22	
22.	PENANAMAN SELINGAN JAMIN KELESTARIAN SUMBER MAKANAN, KOMENTAR, BH -11	
23.	KERTAS SIASATAN KEGIATAN KARTEL AYAM DIBENTANG MINGGU DEPAN, NASIONAL, BH -4	
24.	GOVT SHOULD RETHINK FOOD SECURITY MEASURES, NEWS, NST -10	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	18

Kedah perkenal durian baharu

Sungai Petani: Jabatan Pertanian Negeri Kedah memperkenalkan varieti durian baharu dikenali D216 (J Sparrow) dan D217 (Jerai) yang ditanam di ladang durian di Kampung Ketapang, Sungai Tok Pawang, Bedong, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perlombongan dan Komoditi, Pe-

ngangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India Kedah Datuk Azman Nasrudin berkata, durian klon itu akan menjadi produk baharu kepada penggemar durian.

“Kedah menawarkan varieti durian baharu dan yakin ia bakal diterima baik, varieti durian klon D216 dan D217 ini memiliki rasa dan rupa bentuk tersendiri,” katanya.

Finding mackerel

Why fish is becoming scarce

“NOT enough fish”, this newspaper warned the nation yesterday. This is not because our fishermen have become less competent. No, not at all. There aren't enough to be caught. Mackerels aren't the only ones missing. True, this is a global trend. But the fact is this: what happens in other seas is not under our control; what happens in Malaysian waters is. Have we, meaning our fishermen and authorities, done enough to enable a sustainable supply of fish? We think both could have done more. Start with the fishermen. If the WWF-Malaysia website is right, the Fisheries Department as long ago as 2012 warned us that there will be no fish to catch by 2048. The reason? Our fishermen — not all but many — are using illegal and destructive methods to fish. This is a 40-year depletion story caused by overfishing, by-catch, clearing of natural habitats and use of cyanide, bombs and electrofishing. Our fishermen need to change. Fishes, like us, need time to grow. They know their drag nets, crocodile nets and trawl nets are catching juveniles. They can't blame anyone else but themselves when “not enough fish” becomes “no fish”. It might even be earlier than 2048.

A whole-of-Malaysia approach is part of it. Every Malaysian must do his part. If we want the mackerel on our plate, that is.

The authorities, too, must do more. True, the open sea is an expanse too wide and shortage of brawn and boats a frequent lament. Laments alone will not bring in the catch we need. Enforcement will, in the long term, that is. As we said, fishes need time to grow. But we must start now. According to a Perak Fisheries estimate of 2012,

Malaysians needed 55kg of fish per year per person in 2020. Today, for lack of official figures, it should be 60kg per person per year, give or take a few kg. Enforcement and more would help sustain such a catch. And the more is this: the Fisheries Department must listen more. Do not get us wrong. We are not saying it is not listening. No, not all. It needs to harvest ideas from others. True, the department knows a lot about fish. But there are others out there who know as much, like the environmental and consumer organisations. If they can help bring in the 60kg of catch, why not pay due heed?

Then there is the Fisheries Plan. Not much of this is being discussed in the media. WWF-Malaysia tells us the Fisheries Plan is in need of more input. Why not encourage a discussion in the media? Never underestimate the power of the media's column inches and sound bites in harvesting the information needed to develop the Fisheries Plan. It is, after all, an end result of data gathering, analysis and consultation. There is one more thing, which needs more attention than the Fisheries Plan: climate change. Climate change has a profound impact on marine life. According to the Climate Stewardship Council's website, the oceans, which are home to about 10 million marine species, have absorbed 93 per cent of the excess heat from greenhouse gas emissions since 1970. Changes to oceans means changes to fish stock. Neither our fishermen nor our Fisheries Department can arrest the warming of the Earth. This requires a whole-of-the-world approach. A whole-of-Malaysia approach is part of it. Every Malaysian must do his part. If we want the mackerel on our plate, that is.



21 JUN, 2022

FAMA: Sponsorship ad content is fake

Sin Chew Daily, Malaysia

有圖/未必有真相

**聯邦農銷局：假的
網傳贊助廣告內容**

PALING PENTING..KITCHEN SAVER PRODUK WAJIB ADA DI SETIAP RUMAH!

聯邦農銷售局圈出該局标志及涉及該局的内容，并在截图上标上“假的”。（取自联邦农销售局推特）

（八打灵再也20日讯）联邦农业销售局（FAMA）否认在社交媒体流传的赞助广告内容，并驳斥该局与某商家合作吸引民众成为研磨材料的代理，以及“来自联邦农业销售局的产品/材料100%新鲜”的言论。

该局昨日在社交媒体上传两张截图打假，劝请民众浏览该局官方社交媒体账号及官网 www.fama.gov.my，或大马网上农产品市集网站（Agrobazaar Online）www.agrobazaar.com.my，获取官方消息。

民众若有任何投诉，可提交给联邦农业销售局反馈系统（<http://fts.fama.gov.my/adaan/open.php>）。

聯邦農銷售局（FAMA）亲自打假，否认在社交媒体流传的赞助广告。（取自联邦农销售局推特）



21 JUN, 2022

FAMA: Sponsorship ad content is fake

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(八打灵

再也20日讯) 联邦农业销售局(FAMA)否认在社交媒体流传的赞助广告内容, 并驳斥该局与某商家合作吸引民众成为研磨材料的代理, 以及“来自联邦农业销售局的产品/材料100%新的言论。该局昨日在社交媒体上传两张截图打假, 劝请民众浏览该局官方社交媒体账号及官网www.fama.gov.my,或大马网上农产品市集网站(AgrobazaarOn : in e) www.联邦农业销售局圈出该局标志及涉

WAR ROOM TO TACKLE CRISIS

TECH BOOST FOR FOOD SECURITY

Mosti to meet key agri players next month to discuss using technology to boost production

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) will meet farmers early next month to discuss using existing technology to boost food security.

Its minister, Datuk Seri Dr Adham Baba, said this would be the second such meeting with key players in the agriculture and food sectors.

"The ministry, set up a war room on June 10 to tackle any food crisis. We had our first meeting last Wednesday and will meet farmers, including those from the National Farmers Organisation (Nafas), again next month.

"Malaysia has 46 existing technology solutions and we need to find ways to connect and integrate these with stakeholders.

"For instance, we are looking at how to connect farmers with finding alternative materials which can replace corn, which is the common feed for the animals," he said after the launch of the Southeast Asia Science Advice Network's (SEA SAN) conference themed "Bridging the Gap between Science and Policy in Southeast Asia" here yesterday.

Present was SEA SAN chairman Professor Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid.

Dr Adham said the ministry



Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Dr Adham Baba chairing a meeting at the Southeast Asia Science Advice Network conference in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY FATHIL ASRI

had also reached out to relevant ministries to collaborate on efforts to reduce cost and increase productivity using technology related to food security.

Other measures to address food security technology, he said, included the agriculture hub in Manong, Perak.

Earlier, Dr Adham said Malaysia as the SEA SAN chapter head welcomed the move to make science more accessible to scientists on a global scale via the Open Science initiative.

"Open Science unlocks solutions to real economic and social challenges through data sharing and highlighting best practices. This will serve to accelerate solutions for the common good.

"In 2019, Malaysia had initiated an Open Science Initiative via Malaysia Open Science Platform

ity in remote areas.

"The launch of the satellite is important to provide 4G services in remote areas before the country can upgrade to 5G. It will serve for 15 years as a telecommunications satellite."

The satellite launch will be broadcast live at the World Trade Centre Kuala Lumpur.

The R.M1.2 billion Measat-3d satellite will allow Malaysians to enjoy high-speed Internet whether in urban and suburban areas, or hard-to-reach rural villages, via Measat's CONNECTme NOW satellite broadband service.

It will complement the co-launched Measat-3a and Measat-3b satellites at the 91.5° East orbital hotspot, replacing old capacity and building resiliency for Measat's fleet of satellites.

(MOSP), a data platform to share unpublished scientific data and datasets, publications and reports produced by local scientists which promote the visibility of research data collections to encourage their reuse.

"This initiative involves the collaboration of multi-agencies including Mosti; the Health and Higher Education ministries, the Malaysia Open Science Alliance and the Academy of Sciences Malaysia.

"The efficient dissemination of scientific findings can bridge the gap between science and policy throughout Asean and globally."

Dr Adham also said the launch of the Measat-3d telecommunications satellite in Kourou, French Guiana, on Wednesday (Thursday in Malaysia) would provide much-needed connectivity

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	25

Agrobank dipilih Naib Pengerusi ADFIMI

KUALA LUMPUR: Agrobank telah dipilih sebagai jawatankuasa pengurusan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Nasional di Negara Anggota Bank Pembangunan Islam (ADFIMI) untuk tempoh tiga tahun.

Menurut Agrobank, pemilihan dibuat ketika Mesyuarat Perhimpunan Agung ADFIMI ke-39 di bandar Shah El Sheikh, Mesir pada 2 Jun lalu.

Mesyuarat turut sebulat suara memilih Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin sebagai Naib Pengerusi ADFIMI.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, beliau berasa berbesar hati kerana telah diberi kepercayaan oleh ADFIMI untuk menerajui Persatuan itu.

“Saya percaya, Agrobank telah dipilih untuk menjadi sebahagian daripada ADFIMI di atas komitmen berterusan kami sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang menyokong aktiviti pertanian



AHMAD BADLI SHAH

bagi mengukuhkan lagi kemampuan serta keselamatan makanan di Malaysia.

“Usaha berterusan Agrobank menerusi program pembiayaan rantaian penuh atau *full-chain financing* adalah sejajar dengan Polisi Agro Makanan Negara, yang bertujuan untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) makanan,” katanya dalam kenyataan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	HARIAN METRO	BISNES	23

Agrobank terus komited sokong aktiviti agromakanan negara



ZURINA (kiri) menyerahkan replika cek bernilai RM5,000 kepada wakil Komuniti Garden 8.

Kuala Lumpur: Agrobank terus memainkan peranan dalam menyokong aktiviti agromakanan negara.

Ketua Pegawai Pengurusan Kredit Agrobank, Zurina Othman berkata, pihaknya komited memainkan peranan sebagai Institusi Kawangan Pembangunan (IKP) dalam menyumbang kepada pembangunan sistem makana lebih bersempadu di masa hadapan.

"Kami juga terus menggalakkan aktiviti berkaitan jaminan bekalan makanan negara yang berupaya meningkatkan lagi sistem keselamatan makanan melalui pelbagai program komuniti dan perniagaan kami.

"Ia termasuk menerusi penawaran perkhidmatan dan produk pembiayaan komprehensif," katanya dalam kenyataan selepas menyumbang dana permulaan

RM5,000 kepada Komuniti Garden 8, Taman Perwira, Gombak bagi membangunkan lagi potensi aktiviti pertanian bandar mereka.

Kebun komuniti itu adalah komitmen penduduk taman berkenaan yang giat mempromosikan konsep kejiranan lestari di lorong belakang perumahan mereka sekali gus menggalakkan aktiviti pertanian pintar di kawasan perumahan bandar.

Agrobank terus memberikan sokongan dan galakan kepada komuniti Garden 8, dan juga komuniti Agro di kawasan perumahan yang lain untuk menggalakkan aktiviti pertanian pintar di bandar dan luar bandar.

Katanya, pihaknya difahamkan inisiatif itu dimulakan komuniti penduduk Taman Perwira yang terdiri daripada 33 ahli kejiranan

sejak September 2021.

"Selain menjalankan aktiviti pertanian bagi pelbagai jenis tanaman bunga, sayuran dan herba bagi memanfaatkan sepenuhnya ruang lorong belakang yang sedia ada, saya dimaklumkan mereka turut menerapkan konsep lestari seperti Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH), kitar semula, penggunaan baja kompos dan tenaga solar dalam pembangunan Kebun Komuniti Garden 8 ini.

"Mereka sanggup meluangkan masa dan tenaga serta berkongsi dana bagi mengindahkan lorong belakang rumah dengan membina laluan pejalan kaki, memasang rumput karpet, membina pintu gerbang serta menambah pelbagai dekorasi menarik, di samping mengeratkan silaturahmi sesama jiran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Kebun mini raih RM7,000 semusim

USAHA seorang bekas penyelia bercucuk tanam di hadapan rumahnya membuahkan hasil apabila mampu meraih pendapatan hingga RM7,000 semusim penanaman.

Fazlan Ahmad, 40, yang sebelum ini bekerja dengan sebuah syarikat pembersihan memulakan tanaman berkenaan pada tahun 2020 selepas mengikuti kursus fertigasi di Batu Pahat, Johor.

"Selepas mengikuti kursus, saya cuba membangunkan sendiri sistem fertigasi di halaman rumah kami. Memang saya sudah lama bercadang untuk menyertai bidang pertanian sebelum ini.

"Ofeh itu, apabila sudah tidak berkhidmat sebagai penyelia saya terus memulakan langkah.

"Pada awalnya saya hanya menggunakan kayu untuk rangka fertigasi, namun

berdepan masalah apabila pokok mula berbuah. Ia jadi tidak kukuh. Kini kami mula tambah baik menggunakan rangka besi untuk kebalkan tanaman kami.

Fazlan berkata, buah rock melon dari 350 pokok yang tanam kini dijual dengan harga RM10 sekilogram dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk di Mersing.

Dia memilih rock melon kerana isterinya Norisa Nafi, 40, dan anak-anak amat menggemari buah tersebut selain harganya dalam pasaran yang agak tinggi.

■ **FAZLAN** dan isteri Norisa menunjukkan hasil rock melon daripada kebun mini yang diusahakan di halaman rumah mereka di Kampung Bernaung Mersing, Johor.



Bekas penyelia tanam rock melon depan rumah, jual pada harga RM10 sekilogram

Kebun mini beri pulangan RM7,000

Oleh MASTURAH SURADI

MERSING - Seorang bekas penyelia mampu meraih pendapatan sehingga RM7,000 semusim melalui tanaman kebun mini rock melon yang diusahakan secara fertigasi di halaman rumahnya.

Fazlan Ahmad, 40, dari Kampung Bernaung di sini berkata, dia memulakan tanaman berkenaan pada tahun 2020 selepas mengikuti kursus fertigasi.

Katanya, dengan keluasan hampir 30 meter persegi, dia kini mampu menanam sebanyak 350 pokok rock melon dalam polybeg.

"Selepas mengikuti kursus, saya cuba membangunkan sendiri sistem fertigasi di halaman rumah. Memang sudah lama saya bercadang untuk menyertai bidang pertanian selepas tidak lagi bekerja.

"Pada awalnya, saya hanya menggunakan kayu biasa untuk rangka fertigasi, namun berdepan masalah apabila pokok menjadi tidak kukuh selepas mula berbuah.

ada, kami memang rancang untuk buat sedikit demi sedikit," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bernaung di sini semalam.

Jelasnya lagi, hasil pengaliran yang ada, mereka berjaya menambah baik tanaman rock melon yang kini telah memasuki tahun kedua.

Bapa kepada lima orang anak itu berkata, rock melon yang ditanam kini dijual dengan harga RM10 sekilogram dan mendapat sambutan yang amat menggalakan terutama daripada penduduk di Mersing.

Katanya, dia memilih rock melon kerana isterinya Norisa Nafi, 40, yang bekerja sebagai perawat awam dan anak-anak amat menggemari buah tersebut selain harga pasaran yang agak lumayan.

"Berbanding buah-buahan lain, rock melon juga jarang ditanam petani di daerah ini menyebabkan kami hanya memfokuskan tanaman itu sehingga beberapa musim kerana berjaya

mendapat pulangan yang baik. "Setelah 10 tahun tinggal di sini, baru kami sedar halaman rumah kami selama ini ternyata boleh mendatangkan hasil buat keluarga.

"Kaedah fertigasi memang banyak menjimatkan kos kerana sistem berkenaan boleh digunakan secara berulang kali. Cuma memerlukan modal besar pada permulaan sahaja untuk membina sistem, selebihnya hanya perlu keluaran bajet untuk kos seperti baja, racun dan benih.

"Sepanjang dua tahun ini memang tidak dinafikan cabaran itu memang ada. Saya pernah berdepan dengan pokok yang hanya 30 peratus sahaja hidup ekoran faktor cuaca yang tidak menentu. Namun, ia tidak mematahkan semangat saya," katanya.

Menurut Fazlan, melihat kepada hasil lumayan yang mampu diraih dengan bertani, dia dan isteri turut merancang untuk memfokuskan tanaman lain seperti cili secara fertigasi di tanah yang lebih luas selepas ini.



FAZLAN bersama Norisa menunjukkan hasil di kebun mini rock melon yang diusahakan di halaman rumah mereka di Kampung Bernaung Mersing kelmarin.

"Kini, kami mula tambah baik menggunakan rangka besi untuk kebaikan tanaman.

"Tambah pula, kami buat secara kecil-kecilan di halaman rumah, jadi dengan modal yang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Harga ayam RM10 sekilo tidak masuk akal

Oleh **FAHMI FAIZ** dan
ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Alasan para penternak yang dikategorikan sebagai pemain gergasi ayam kononnya harga ladang RM7 bagi ternakan itu terlalu rendah sehingga mahu menaikkan harga pasaran ayam lebih RM10 sekilogram bermula Julai ini, adalah tidak masuk akal.

Sumber dalaman industri memberitahu *Utusan Malaysia*, ini kerana mereka 'jarang' membayar harga tersebut untuk kos operasi kerana membeli ayam daripada penternak kontrak di bawah mereka dengan harga jauh lebih murah iaitu RM5.30 sekilogram.

Dakwa beliau, tindakan itu semata-mata mahu menaikkan harga sesuka hati dan mengaut keuntungan atas keperitan pengguna.

Harga ayam RM10 sekilo tidak masuk akal

Dari muka 1

Jelas sumber, alasan kononnya kos operasi di ladang ternakan bagi sekilogram ayam yang meningkat kepada kira-kira RM7 sekilogram susulan penamatan subsidi RM1.40 kepada penternak yang berkuat kuasa 1 Julai hanya 'permainan wayang', kerana situasi sebenar di lapangan adalah sebaliknya.

Sumber dalaman industri mengulas kenyataan dibuat oleh sebuah persatuan penternak bahawa harga runcit ayam pada 30 Jun ini perlu melebihi RM10 sekilogram, bagi mendapatkan situasi 'menang-menang' antara pemain industri rantaian makanan itu serta pengguna.

"Saya mahu tanya, persatuan itu bercakap atas tiket penternak atau mereka sebenarnya mewakili penternak bersepadu (*integrator*)?"

"Walaupun dulu kerajaan sudah letak harga ladang ayam hidup (*ex-farm*) RM5.60, *integrator* di bawah kartel ini tak pernah beli dengan kita pun harga RM5.60 di ladang, masa itu mereka cuma bayar harga ayam dari ladang kita antara RM4.30 hingga RM4.80 sekilogram (kg) ayam."

"Tapi sekarang ini mereka beritahu, harga di ladang RM7. Kalau kos di ladang RM7, kenapa mereka cuma bayar kepada penternak kontrak cuma RM5.30? Itu maklumat terkini sepanjang tiga bulan sehingga Jun," kata sumber di sini semalam.

Kata sumber, ada beza antara penternak dengan pemain gergasi, yang mana pemain gergasi lazimnya adalah pembekal anak ayam dan makanan dedak kepada penternak kontrak di bawah mereka.

Malah kata sumber, pemain gergasi sering menindas dan memeras penternak, namun bermain wayang kononnya mereka bercakap mewakili kumpulan penternak sedangkan mereka adalah perancang yang mengawal seluruh rantaian industri ayam negara.

"Cuba bayangkan, kos syarikat-syarikat gergasi ini membeli ayam daripada penternak kontrak cuma kira-kira RM11 seekor. Selepas beli ayam dari penternak, mereka hantar

kilang sembelih dengan kos RM1.50 seekor, bermaksud kos mereka cuma RM12.50 sedangkan harga yang nak dijual ke pasaran ialah RM20 seekor.

"Mereka tak boleh beri alasan menaikkan harga suling ayam sebab kos jagung bijian meningkat, kerana kos makanan ayam itu ditanggung oleh penternak kontrak dan bukannya kartel.

"Untuk makluman, kartel jual dedak ayam kepada penternak kontrak dengan harga tinggi, jadi yang serap kos kenalkan makanan ayam ialah penternak," katanya.

Malah dakwa sumber, pemain gergasi ayam juga sering mensabotaj penternak kontrak dengan menghantar bekalan makanan ayam yang langsung tidak berkhasiat, supaya menjejaskan hasil ternakan sekali gus dapat menaikkan harga ayam di pasaran atas alasan bekalan kurang.

"Kami mempunyai bukti hasil kajian makmal, yang mana kami hantar sampel makanan ayam untuk dibuat ujian. Memang bekalan dedak yang dibekalkan oleh kartel sangat teruk kualitinya, sangat rendah nilai bacaan nutrisinutrisi," jelasnya.

Sementara itu, pembekal pembekal kini ditekan oleh kumpulan kartel apabila diberi amaran untuk tidak menyebarkan maklumat atau membangkitkan isu sekiranya mahu terus mendapat bekalan ayam supaya perniagaan mereka tidak terjejas.

Sumber industri memaklumkan bahawa kumpulan 'tangan hitam' itu akan menyenarai hitam sesiapa sahaja yang memberi maklumat kepada mana-mana pihak ketiga.

Jelasnya, disebabkan ia didalangi oleh kumpulan yang besar, maka jika nama pembekal dimasukkan ke dalam senarai tersebut, menjadikan ia sukar untuk menjalankan perniagaan kerana tiada syarikat akan memberi bekalan kepadanya.

"Kalau kartel tahu mana-mana yang mendedahkan maklumat ini kepada pihak ketiga seperti media dan sebagainya, maka esok pasti orang itu tidak akan dapat berniaga dengan erti kata lain harus gulung tikar."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	KOSMO	K2	19



lk2

Menyelami
Hidup Anda

SELASA 21.06.2022

Saudagar nanas Sungai Merab

BANGKIT daripada kegagalan lalu, Mohd. Noorhardy Mohd. Noorzain, 42, yang mula mengusahakan tanaman nanas di Sungai Merab, Selangor pada tahun 2018 dengan himbingan agensi kerajaan berkaitan kini boleh tersenyum puas apabila ladangnya bukan sahaja menjadi tempat penanaman nanas tetapi lokasi agropelancongan kunjungan orang ramai.

SEBUAH KONTEMPORARI
Kosmo!



Rencana Utama

Oleh
**ZURAINI
MOHD. KHALID**

JARUM jam menunjukkan sekitar pukul 8.40 pagi dan kelihatan beberapa buah kereta mulai masuk ke pekarangan sebuah ladang nanas di Sungai Merab, Selangor untuk menikmati menu sarapan pagi.

Selesai memarkir kenderaan, beberapa orang pengunjung kemudiannya mengambil tempat duduk dan memesan menu sarapan pagi sambil menikmati suasana makan di dalam sebuah ladang nanas.

Begitulah situasi di Saudagar Nanas Agrofarm hampir setiap pagi selepas lokasi yang pada asalnya merupakan sebuah ladang nanas itu dijadikan sebagai sebuah lokasi agropelancongan.

Peminat buah berwarna kuning keemasan itu berpeluang menikmati aneka juadah berasaskan nanas di situ dan merasai sendiri pengalaman menjadi petani menerusi aktiviti memetik nanas.

Pengusaha nanas, Mohd. Noorhardy Mohd. Noorzaini, 42, berkata, Saudagar Nanas Agrofarm sudah lama dibuka, namun ia mula menjadi tular pada Februari lalu selepas usahawan itu membuka sebuah kafe dengan pelbagai juadah menarik berasaskan nanas.

"Kuasai tular memang hebat, saya teruja apabila ladang yang dahulunya hanyalah lokasi penanaman nanas bertukar menjadi lokasi tumpuan pelancong selepas ia mula dijadikan lokasi agropelancongan," katanya kepada K2.

Menurut Mohd. Noorhardy, dia mula mengusahakan ladang nanas itu sejak tahun 2018 ketika dirinya sedang murung apabila berdepan dengan beberapa cabaran dalam kerjaya.

"Saya sebelum ini pernah berkhidmat sebagai seorang pekerja kerajaan dan juga pekerja swasta.

"Saya juga ada memulakan beberapa perniagaan, namun tidak menjadi dan ketika itu saya mula hilang semangat," ujarnya.

Mengumpul semangat untuk meneruskan hidup, Mohd. Noorhardy kemudiannya mula mencari kekuatan dan bangkit dengan mengusahakan tanaman nanas selepas mendapat bantuan benih daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Biarpun tanpa ilmu dan pengetahuan tentang dunia pertanian, Mohd. Noorhardy memberanikan diri untuk benar-benar belajar tentang kaedah penanaman nanas dan menjadikan ia



LADANG nanas yang ditanam dengan 15 jenis nanas di Sungai Merab, Selangor ini juga membolehkan orang ramai menyaksikan pemandangan Indah Bandar Baru Bangi dari puncaknya.

Ladang nanas jadi lokasi tular agropelancongan



SUASANA pagi di Saudagar Nanas Agrofarm apabila orang ramai berpusu-pusu datang untuk menikmati pelbagai makanan berasaskan nanas.

sebagai mata pencariannya.

"Saya bertuah kerana bapa mentua saya pada ketika itu mempunyai tanah seluas dua ekar (0.8 hektar) yang saya gunakan untuk mula menanam nanas.

"Kemudian, saya membesarkan lagi tanaman nanas ini dengan menggunakan tanah wakaf melalui Perbadanan Wakaf Majlis Agama, Islam Selangor (MAIS) menjadikan keseluruhan lapan ekar (3.2 hektar)," ujarnya.

Ketika ini, anak kelahiran Melaka itu menanam 15 jenis nanas di ladangnya antaranya nanas MD2, nanas Sarawak, nanas Maspin dan nanas Moris Gajah. Namun, tanaman nanas utama di Saudagar Nanas Agrofarm adalah nanas jenis MD2. Nanas MD2 merupakan sejenis nanas hibrid yang kini menjadi tumpuan ramai pengusaha dan penanam nanas.

Nanas MD2 atau nama sebenarnya 'Millie Dillard 2' itu berasal daripada baka hasil kajian di Hawaii. Antara ciri buah nanas MD2 adalah rasanya manis dan tidak menyebabkan lidah terasa pedih atau gatal (lidas) apabila dimakan.

Ia merupakan buah yang sangat popular masa kini untuk pasaran domestik dan pasaran segar.

Bercerita tentang cabaran menanam nanas, lelaki itu berkata, dia bersyukur

INFO**Asal usul perkataan 'nanas'**

- Nama buah ini dipinjam daripada bahasa Portugis iaitu *ananas* yang diserap daripada bahasa asli Amerika Selatan, Guarani iaitu *nano*
- Istilah *nano* merupakan nama diberikan masyarakat di lembangan-lembangan Sungai Parana antara Brazil dan Paraguay yang mula menanam buah ini
- Buah ini turut diberi nama *onono* yang bermakna buah sangat baik atau daripada ungkapan bahasa Guarani *nano nana* bermaksud wangian segala wangian

kerana nanas merupakan buah dalam kategori mudah dijaga.

"Nanas senang dijaga kerana ia tidak perlu disiram selalu. Ia cuma 'kalah' dengan air dan apabila musim hujan, saya terpaksa memastikan tanah tanaman nanas itu tidak dibiarkan berada dalam keadaan lembap untuk jangka masa terlalu lama kerana tanah yang lembap akan menyebabkan akarnya reput dan rosak, selain menyebabkanangkitan kulat.

Jelas Mohd. Noorhardy lagi, Saudagar Nanas Agrofarm menyediakan aktiviti pelancongan dan pendidikan kepada pengunjung.



KARIPAP nanas antara menu yang dihasilkan.



SELEKSI pencuci mulut daripada nanas.

Pengunjung yang datang boleh melihat sendiri kaedah penanaman nanas dan merasai pengalaman memetik nanas umpama seorang petani.

"Pengunjung boleh singgah dan

memetik sendiri buah nanas MD2 yang ada di sini, mengupasnya dan terus dimakan, segar dari ladang.

"Selain itu, kami juga menerima kedatangan peserta kursus perladangan daripada beberapa institusi pengajian tinggi untuk mempelajari proses penanaman nanas," jelasnya.

Tambahnya, selepas mencapai tempoh matang, nanas-nanas yang ditanam seterusnya akan dipetik dan dijadikan produk hiliran seperti sambal nanas, jus nanas dan juga sos cili nanas.

Sebagai tambahan baharu kepada ladangnya itu, Mohd. Noorhardy kemudiannya membuka sebuah kafe nanas yang menyajikan seleksi menu berasaskan nanas.

Malah, sambil menjamu selera, pengunjung juga boleh menyaksikan panorama Bandar Baru Bangi dari puncak ladang nanas, sekali gus menjadikan lokasi tersebut cukup menarik.

Jelas Mohd. Noorhardy, kewujudan kafe tersebut juga sebagai usahanya membantu usahawan lain melalui penyediaan ruang jualan.

"Saya sengaja tidak menghasilkan sendiri semua produk berasaskan nanas kerana saya mahu membantu usahawan lain di luar sana yang mahu menghasilkan menu berasaskan nanas untuk dijual di kafe saya.

"Mereka yang berminat untuk menjual produk makanan berasaskan nanas akan menghubungi saya untuk proses penilaian sebelum dibawa masuk ke kafe ini sebagai antara menu yang boleh dicuba pelanggan," ujarnya.

Sehingga kini, kafe itu mempunyai pelbagai menu menarik berasaskan nanas seperti nanas goreng, karipap nanas, nasi lemak dan juga lempeng yang disajikan dengan sambal nanas, kopi nanas, kek keju nanas dan cream puff nanas.

"Untuk sarapan pagi, menu nasi lemak dan lempeng yang dihidangkan bersama sambal nanas istimewa merupakan menu paling laris di sini dan ia juga merupakan menu kegemaran saya sendiri," ujarnya yang memberitahu ladang itu dibuka setiap hari kecuali Isnin bermula pukul 7.30 pagi sehingga 6.30 petang.



WILLIAMS

Nanas jadi bahan utama produk penjagaan kulit

HASIL tanaman semula jadi seperti buah-buahan dan sayur-sayuran sering kali menjadi bahan kajian dalam mendapatkan ramuan baharu yang mampu memberikan kebaikan dalam kehidupan seharian.

Nanas juga merupakan salah satu bahan utama dalam penghasilan produk kosmetik oleh beberapa jenama besar memandangkan sifatnya yang dikatakan membantu menjadikan kulit lebih sihat.

Menurut seorang pakar dermatologi, Dr. Stefanie Williams, ekstrak nanas mengandungi bahan yang mampu menyingkirkan sel kulit mati pada wajah, sekali gus menjadikan wajah lebih bersih dan bebas cela.

"Nanas mengandungi satu bahan yang dipanggil bromelain iaitu sejenis campuran enzim digunakan dalam produk penjagaan kulit yang membantu menyingkirkan sel kulit mati secara lembut pada kulit.


"Bromelain juga mempunyai fungsi antiradang dan antimikrob," ujarnya.

Selain itu, nanas juga kaya dengan vitamin C dan B yang amat diperlu untuk menjadikan kulit lebih berseri.

Ia turut terkenal dengan manfaatnya yang membantu merawat masalah tonal kulit tidak sekata selain menjadi bahan antioksidan yang menghalang kulit menjadi rosak akibat pencemaran.

"Memandangkan nanas merupakan produk antiradang, ia turut digunakan bagi menghilangkan kemerahan dan kawasan kulit yang bengak akibat jerawat.

"Secara asasnya, ia merupakan 'jawapan' kepada banyak permasalahan kulit wajah," ujar Williams.



MOHD. NOORHARDY gembira penat lelahnya mengusahakan ladang nanas kini semakin membuahkan hasil.

Penggemar durian sanggup memandu beratus kilometer ke Raub, Bentong

Musang king Pahang jadi buruan



PELANGGAN tidak putus-putus datang ke gerai jualan durian milik Mohammad Nafri di Bentong semalam.

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

BENTONG – Musim durian sekarang ini tetap menjadikan musang king Pahang berada dalam kelasnya sendiri apabila menjadi buruan peminat raja buah itu dari seluruh negara.

Durian itu bukan sahaja mendapat permintaan tinggi daripada penduduk di Lembah Klang tetapi daripada peminat dari negeri utara dan selatan seperti Kedah dan Johor.

Seorang penjual durian, Mohammad Nafri Masrom, 35, berkata, meskipun baru dua minggu musim durian bermula di negeri itu, namun sambutan amat luar biasa diterimanya daripada penggemar durian.

Ujarnya, durian musang king khususnya daripada Raub yang dijual dengan harga serendah

RM25 sekilogram pada masa ini mendapat permintaan tinggi daripada penggemar durian di seluruh negara.

"Ramai pembeli yang datang menyatakan mereka inginkan musang king Pahang khususnya Raub kerana mereka rasanya lain daripada buah musang king di tempat lain.

"Selain dari Lembah Klang terdapat pembeli dari seluruh negara termasuk Johor dan saya juga menghantar musang king Pahang ke Kedah kerana mendapat permintaan yang amat menggalakkan," katanya di sini semalam.

Menurut Mohammad Nafri pada masa ini dia mampu menjual hampir dua tan durian pelbagai jenis setiap hari termasuklah untuk jualan runcit dan borong.

Dia memberitahu, musang king dijualnya pada masa ini de-

ngan harga RM25 sekilogram, D24 (RM15), D2 (RM15), Tekka (RM18) dan durian kampung RM9.90.

"Pembeli kata rasa musang king Raub lain dari musang king tempat lain," ujarnya.

Dalam pada itu seorang pembeli dari Lembah Klang, Ku Amirul Ku Jaafar, 45, berkata, walaupun ada musang king dijual di Kuala Lumpur, dia tetap ke Bentong untuk mendapatkan durian Pahang.

"Selain harga durian musang king di sini lebih murah saya yakin ia sudah tentu durian Pahang sedangkan kami tidak pasti sama ada durian dijual di Kuala Lumpur betul-betul durian Pahang.

"Bagi saya walaupun durian spesies yang sama seperti musang king, namun rasa dan kualiti berbeza dan setakat ini musang king Raub merupakan yang terbaik bagi saya,"ujarnya.

Orang Singapura lepas geram cari durian sampai ke Batu Pahat

BATU PAHAT – Kesempatan boleh merentas negara digunakan oleh rakyat Singapura untuk mencari raja buah hingga ke daerah ini.

Ramai rakyat negara itu menggunakan kesempatan ini untuk mencari durian yang dihayati selepas dua tahun tidak dapat berbuat demikian akibat sekatan perjalanan akibat Covid-19.

Seorang akauntan yang juga rakyat Singapura, Norhayati Khamis, 35, berkata, sudah tiga minggu berturut-turut beliau membawa keluarga selain rakan ke daerah ini bagi menikmati aneka jenis durian.

"Semasa sekatan perjalanan di Singapura, kami yang teringin makan durian hanya boleh ber-

puas hati dengan durian yang sudah dikopek dan dipek yang dijual di pasar raya, selain harga lebih mahal, durian berkenaan juga tidak sesegar seperti hari ini.

"Ini kali ketiga saya datang ke Batu Pahat untuk makan durian, minggu depan insya-Allah kami akan kembali lagi.

"Perjalanan menaiki kereta dari Singapura ke Batu Pahat mengambil masa kira-kira sejam lebih juga tidak terasa kerana kami gembira dapat habiskan masa bersama keluarga dan rakan.

"Harga durian di sini pun murah dan kami memilih untuk makan durian secara bufet dan makan beramai-ramai dengan hanya perlu membayar bil kese-

luruhan kira-kira SD\$30 (RM95)," katanya ketika ditemui di Jalan Bukit Pasir di sini baru-baru ini.

Bagi penjual durian gerai Tok Abah, Mohd. Sahlan Md. Saat, 35, berkata, harga durian pada musim kali ini dijual sekitar RM4-RM5 lebih murah daripada harga pasaran.

Ujarnya, menjual lebih 100 jenis durian yang diperoleh daripada pekebun di Lenga Muar.

Katanya, pada musim kali ini permintaan sangat baik sehingga pihaknya mampu menjual kira-kira empat tan sehari.

"Kami turut buat pakej makan durian secara bufet dengan harga serendah RM40 sebakul ada yang mahu tiga bakul, saya caj RM100 sahaja," katanya.



PELANGGAN dari Singapura memilih durian yang dijual salah sebuah gerai di Batu Pahat baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Durian J Sparrow dan Jerai dari Kedah



Isi durian jenis D217 Jerai berwarna kuning muda.



Varieti durian baharu D216 dikenali dengan nama J Sparrow.

Varieti baharu raja buah itu diyakini setanding jenis durian popular di pasaran

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
SUNGAI PETANI

Kedah memperkenalkan jenis baharu durian dikomersialkan sebagai D216 J Sparrow dan D217 Jerai yang dijangka mampu mendapat permintaan tinggi daripada peminat raja buah di negara ini.

Exco Pertanian Kedah, Datuk Azman Nasrudin berkata, kedua-dua jenis baharu tersebut telah didaftarkan secara khusus pada tahun 2021 dengan usaha sama Jabatan Pertanian Kedah.

Menurutnya, jenis baharu durian itu mempunyai rasa setanding jenis raja buah yang popular di pasaran.



Dari kiri: Ramli, Azman dan Seng Khoon menunjukkan durian jenis D216 J Sparrow dan D217 Jerai.

"Kedua-duanya ditanam menerusi projek kluster durian di Ladang Lot 5160 Kampung Ketapang, Sungai Tok Pawang, Bedong, Kedah milik pengusaha, Teoh Seng Khoon.

"Kita harap dengan adanya jenis hasil produk keluaran baharu ini menjadi kebanggaan untuk Kedah kerana keunikan dan rasa tersendiri setaraf buah durian yang popular," katanya ketika melancarkan dua jenis durian baharu berkenaan di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Kedah, Ramli Abdul Rahman.

Menurut Azman, ciri-ciri buah durian jenis D216 J Sparrow ialah isinya berwarna perang kuning muda, mempunyai aroma sederhana dengan rasa kepahitan sederhana dan purata kemanisan 35.3 peratus Brix.

"Bagi jenama D217 Jerai pula, isinya berwarna kuning muda, mempunyai aroma yang kuat, purata kemanisan 35 peratus Brix, rasa kepahitan sederhana dan tekstur berkrim adalah pada tahap kuat," katanya.

Sementara itu, Seng Khoon berkata, tanaman durian di lot berkenaan diusahakan oleh keluarganya sejak kira-kira 50 tahun lalu dan kini memasuki generasi ketiga.

"Dengan bantuan Jabatan Pertanian, dua jenis baharu ini dapat didaftarkan dan diharap menjadi ikon Kedah di mana salah satunya iaitu D217 dinamakan Jerai berikutan lokasi ladang ini berada di kaki Gunung Jerai yang mempunyai sejarah tersendiri," katanya.

Beliau juga berhasrat memperluaskan lagi tanaman kedua-dua jenis terbabit dengan menghasilkan lebih banyak anak benih pada masa akan datang.

"Buat masa ini, kita mempunyai tujuh batang pokok jenis J Sparrow dan 10 batang jenis Jerai yang mengambil masa sekurang-kurangnya empat tahun untuk matang dan menghasilkan buah.

"Bagi mana-mana peminat raja buah yang ingin mengenali durian jenama J



Seng Khoon menunjukkan varieti durian baharu D216 (J Sparrow) dan D217 (Jerai) di Kampung Ketapang Sungai Tok Pawang, Bedong pada Isnin.

Sparrow dan Jerai dengan lebih dekat, bolehlah datang sendiri ke Lot 5160 Kampung Ketapang, Sungai Tok Pawang untuk merasai keenakan dan kelazatannya yang saya yakin mampu menambat hati penggemar raja buah ini," katanya kepada Sinar Harian.

Totamu Undangan:
DATUK RAMLI SARIP
Penyanyi & Pemilik Album

BERSAMA
JOHAN JAAFFAR
TOKOH WARTAWAN NEGARA

RABU • 22 JUN 2022 • 3 PETANG

Sinar
Sokongan secara langsung di
sinarharian.com.my

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan perlu memperluas program agropreneur di pelbagai kawasan dan lokaliti di seluruh negara bagi menampung keperluan makanan dalam negara.

Penyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata, bagi membantu terutama harga barang kerajaan harus segera mengurangkan bebanan import terutama berkaitan dengan bekalan makanan.

Katanya, pengeluaran bekalan makanan di dalam negara perlu ditingkatkan segera untuk memenuhi keperluan makanan rakyat Malaysia terlebih dahulu.

"Apabila pengeluaran dalam negara dapat menampung permintaan dalam negara maka harga barangan yang naik akan dapat dikawal dengan lebih berkesan.

"Selagi kita bergantung kepada barangan import selagi itu masalah kenaikan harga barangan tidak akan selesai," katanya kepada *Bisnes Metro*.

PERLUAS PROGRAM AGROPRENEUR

Dapat tampung keperluan makanan dalam negara, sekali gus mengurangkan bergantung kepada barangan import

Beliau mencadangkan supaya kerajaan mengambil inisiatif untuk menyewakan tanah milik kerajaan yang bersesuaian secara percuti selama dua tahun.

"Sewaan tanah itu juga boleh diperbaharui tempoh penyewaan kepada pengusaha pertanian khususnya pengusaha Burujputera untuk mengusahakan tanaman berasaskan sayuran yang mampu menampung keperluan makanan rakyat Malaysia sekiranya berlaku krisis yang luar biasa," katanya.

Dalam pada itu katanya, lima langkah kerajaan untuk mengawal harga barangan diihat mampu untuk mengawal harga barangan dari pada meningkat secara signifikan dalam jangka masa pendek sahaja.

Beliau berkata, langkah itu seperti memansuhkan keperluan permit import (AP) terhadap sebahagian komoditi agromakanan dan menyekat pengeksportan

bit," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UPM dengan kerjasama QSR Brands (M) Holdings Berhad juga sudah mula mengambil inisiatif untuk melaksanakan Projek Pembangunan Agropreneur Asnaf: Fertigasi Cili Di Kapurung Sungai Petal, Changkat Jering, Perak.

"Projek permulaan ini menggunakan tanah milik Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal

Ehwal Agama) Senator Datuk Idris Ahmad yang berkeputusan 9235 kaki persegi tanpa sebarang sewaan.

"Inisiatif ini juga akan dapat membantu meningkatkan pendapatan usahawan tempatan selain daripada pengeluaran cili yang mencukupi bagi menampung keperluan rakyat di kawasan tersebut," katanya.



“Selagi kita bergantung kepada barangan import selagi itu masalah kenaikan harga barangan tidak akan selesai”
Dr Anuar Shah Bali

Kerjasama strategik Angkasa, IFFCO

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menerai memorandum persefahaman (MoU) dengan *The Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO)*, ia bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan ke-dua-dua negara khususnya dalam industri pertanian dan asas tani serta pertandingan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, kerjasama itu akan membantu usaha kerajaan memperkasa sektor pertanian, membantu pengusaha pertanian khususnya koperasi serta memastikan kualiti dan hasil pertanian negara seiring dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

"Melalui perjanjian yang dimeterai, secara dasarnya, Angkasa bersetuju mengimport baja nano (dari India).

"Usaha ini, langkah ke hadapan khususnya dalam memastikan kelestarian alam semula jadi kerana tiada komponen kimia digunakan dalam pembuatan baja nano ini," katanya.



NOH (belakang, tengah) menyaksikan majlis menandatangani MoU antara **Abdul Fattah** (depan dua dari kiri) dan **K. Yogendra** (depan dua dari kanan) di Seville, Sepanyol semalam.

Angkasa tumpu Agromakanan

PETALING JAYA - Lebih banyak peluang perniagaan dalam industri pertanian dan asas tani serta perlombongan akan dijana selepas Malaysia mengadakan kerjasama dengan koperasi terbaik dunia, The Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, satu memorandum persefahaman kerjasama (MoU) telah ditandatangani antara IFFCO dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Katanya, MoU itu membantu kerajaan untuk memperkasa sektor pertanian serta memastikan kualiti dan hasil pertanian negara

seiring dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

"Melalui MoU itu, Angkasa berseutuju untuk mengimport baja nano yang bebas kimia.

"IFFCO membantu menjamin baja itu akan membantu mengurangkan pencemaran dan meningkatkan input pertanian," katanya.

Terdahulu, Noh mengetuai delegasi koperasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa di Seville, Sepanyol yang berlangsung bermula Ahad hingga esok.

Menurut Noh, gerakan koperasi yang sudah berusia 100 tahun di negara ini harus diperluaskan ke arah agromakanan selain perkhidmatan kredit dan pendidikan yang memberi man-

faat kepada rakyat dan ekonomi.

Sementara itu, Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama antara koperasi di seluruh dunia akan terus diperkukuh menerusi Angkasa sebagai gerbang perhubungan perdagangan dua hala.

"Angkasa bertindak sebagai perudah cara sesuai dengan peranannya sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Pada perhimpunan itu, Noh turut menyaksikan majlis menandatangani MoU itu antara Abdul Fattah dan Pengarah Pemasaran IFFCO, K. Yogendra.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	SINAR HARIAN	BISNES	28

Angkasa, IFFCO meterai MoU

MoU membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada kedua-dua koperasi dalam meningkatkan hasil pertanian

KUALA LUMPUR

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meterai memorandum persefahaman (MoU) dengan *The Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited* (IFFCO) bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada gerakan koperasi di kedua-dua negara dalam industri pertanian dan asas tani serta perladangan.

Menerusi MoU itu, koperasi terlibat dengan sektor perladangan, pertanian dan industri asas tani akan mendapat bekalan baja jenis nano urea yang mesra alam, selamat dan menambah kandungan nutrien dengan harga berpatutan.



Noh (tengah) menyaksikan Majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Angkasa dengan IFFCO di Sepanyol pada Ahad.

Kerjasama itu juga akan menawarkan produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia dalam sektor berkenaan untuk timbal balas kerjasama kepada pihak IFFCO.

Merteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, kerjasama itu akan membantu usaha kerajaan memperkasa sektor pertanian dan membantu perniagaan koperasi, memastikan kualiti serta hasil

pertanian negara seiring Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

"Melalui perjanjian yang telah dimeterai secara dasarnya, Angkasa bersetuju untuk mengimport baja nano dan mengadakan ujian awal penggunaannya di tanah-tanah pertanian yang telah dikenali pasti.

"Usaha ini merupakan langkah ke hadapan khususnya dalam memastikan kelestarian alam semula jadi kerana tiada

komponen kimia digunakan dalam pembuatan baja nano ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Angkasa pada Ahad.

Menurut Noh, sesuai dengan 100 tahun tertubuhnya gerakan koperasi di Malaysia, perannya harus diperluas bukan sahaja terlibat dalam perkhidmatan kredit dan pendidikan, malah sektor lain berimpak tinggi seperti agromakanan yang akan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi.

MoU itu dimeterai sebagai satu daripada agenda lawatan kerja rasmi Noh yang mengetuai delegasi koperasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa, ICA Elective General Assembly dan Persidangan 'Cooperatives: The Moment Is Now!' 2022 di Seville, Sepanyol pada 19 hingga 22 Jun.

Noh menyaksikan pemeteraian MoU itu yang ditandatangani Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah dan Pengarah Pemasaran IFFCO, Yogendra Kumar.

Angkasa bertindak sebagai pemudah cara sesuai dengan peranannya sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

MoU berkenaan akan berkuat kuasa selama dua tahun bermula 19 Jun 2022.

IFFCO dinobatkan sebagai koperasi terbaik dunia dalam 'Top 300' *World Cooperative Monitor 2021* yang dimiliki penuh oleh *Cooperative Societies of India* dan merupakan pengilang baja terbesar di negara tersebut. -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	KOSMO	NEGARA	16



MUHAMMAD FAHAMI sedang memotong ayam jualannya di Pasar Bukit Payung, Marang semalam.

Pembekal mengehadkan bekalan sejak sebulan lalu

Peniaga risau bekalan ayam makin kurang

Oleh NOOR HAYATI MAMAT

MARANG – Peniaga Pasar Bukit Payung di sini mengeluh apabila bekalan ayam yang diterima berkurangan sehingga menjejaskan operasi perniagaan mereka.

Salah seorang peniaga, Mohamad Shahdan Azizi Rusli, 29, mendakwa mereka tersepit kerana pembekal ayam bukan sahaja menaikkan harga borong malah hadkan bekalan sejak lebih sebulan lalu.

"Pembekal had bekalan sehingga 30 ekor sehari sedangkan permintaan mencecah sehingga 100 ekor. Saya pernah tidak terima seekor ayam pun sehingga terpaksa tutup operasi hari itu.

"Sepanjang bulan ini, sudah

tiga hari saya tidak dapat jual ayam kerana tiada bekalan langsung," katanya ketika ditemui di Pasar Bukit Payung di sini semalam.

Mohamad Shahdan berkata, kadangkala dia terpaksa membeli ayam segar dari rakan-rakan peniaga lain sebelum menjualnya semula bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Katanya, krisis bekalan dan harga ayam yang sedang berlaku ini dianggap antara terburuk sejak dia mula berniaga pada tahun 2006 dan telah menjejaskan teruk perniagaannya.

Seorang lagi peniaga ayam, Muhammad Fahami Mohd Zawawi, 18, pula bimbang masalah kekurangan bekalan ayam ini

akan berlarutan sehingga musim perayaan Hari Raya Aidiladha yang bakal disambut kira-kira dua minggu lagi.

Dia berkata, permintaan ayam pada musim perayaan itu amat tinggi melebihi 100 ekor sehari bagi setiap peniaga.

"Saya harap kerajaan dapat selesaikan segera isu kekurangan bekalan dan harga ayam ini yang bukan sahaja menjejaskan pengguna malah peniaga runcit sepertinya.

"Saya akui terpaksa jual ayam pada harga RM11.10 sekilogram iaitu melebihi RM8.90 bagi kuantiti sama yang ditetapkan kerajaan kerana harga diperolehi daripada pembekal pun sudah RM10.50 sekilogram," katanya.

Beli dron RM40,000 sembur racun di sawah

ALOR SETAR - Penggunaan teknologi seperti pesawat dron penyembur racun dan baja di kawasan tanaman padi sangat merijmatkan masa berbanding melakukannya secara manual menerusi pam penyembur.

Seorang petani dari Tobiar, Pendang, Mohd Fadli Hashim, mengakui penggunaan mesin dibantu teknologi banyak meringankan beban golongan petani yang mengusahakan pertanian dalam skala besar.

Dia yang menyewa kira-kira 30 hektar tanah sawah untuk diusahakan tanaman padi berkata, selain menjimatkan rhasa, golongan belia juga dilihat semakin tertarik untuk terlibat dalam industri pertanian disebabkan ada teknologi.

"Pesawat dron mampu digunakan untuk menyembur racun kira-kira enam hektar dalam satu hari.

"Pada sebelah malam juga masih boleh menyembur racun walaupun gelap, inilah kelebihan teknologi yang sangat membantu petani.

"Saya telah berkecimpung dalam

tanaman padi sejak tahun 2010 dengan mengusahakan dua ekar (0.8 hektar) sawah tapi dengan teknologi, ia membantu berkembang sehingga 30 hektar sekarang," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Fadli, 37, berkata, pesawat dron tersebut dibeli pada harga RM40,000 dua tahun lalu dan dibayar secara ansuran bulanan.

Akuiannya, biarpun harga mahal namun tetap dianggap berbaloi kerana mampu menawarkan perkhidmatan sembur racun kepada para petani lain, selain untuk kegunaan sendiri.

"Kami juga mendapat permintaan daripada petani untuk khidmat sembur racun dan bayaran akan dikenakan untuk setiap relung sawah.

"Sebanyak dua pekerja terdiri daripada golongan belia diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan pesawat dron ini," ujarnya.

Selain dron, dia juga memiliki tiga jentera padi dan sebuah traktor untuk mengusahakan sawahnya termasuk menawarkan perkhidmatan kepada petani

FOTO: MOHD FADLI



LAPORAN KHAS

Mohd Fadli di hadapan jentera padi miliknya di Pendang, Kedah.

teknologi ini memang membantu dan terbukti sepanjang 12 tahun menceburi dalam sektor pertanian khasnya penanaman padi," katanya yang mempunyai tujuh orang pekerja yang ditugaskan untuk mengendalikan kesemua mesin miliknya.

lain.

"Penglibatan teknologi berkenaan perlu dipertuaskan jika mahu menarik minat golongan muda kerana mereka juga secara tidak langsung telah didedahkan dengan teknologi masa kini.

"Sebagai petani muda, saya lihat

Jana pendapatan RM30,000 jual belut

Keputusan pemandu lori berhenti kerja buah hasil lumayan

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Marang: Keputusan seorang pemandu lori berhenti kerja untuk menjadi pembekal belut membuahkan hasil lumayan apabila perniagaannya mampu menjana pendapatan antara RM20,000 hingga RM30,000 sebulan.

Muhamad Zulkifli Yusof, 28, dari Birjai Bongkok di sini, berkata pemerhatiannya men-

dapati permintaan belut amat tinggi dan membuahkan hasil lumayan, bergantung kepada bekalan diperolehi.

Beliau memperoleh bekalan dari Melaka, Kelantan, sempadan Malaysia-Thailand di Sungai Golok, Perak dan kawasan lain.

"Saya mula membekalkan belut kepada peniaga kedai makan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu dan apabila melihat permintaan tinggi, saya mengambil keputusan berhenti kerja sebagai pemandu lori.

"Belut spesies pasir, sawah dan paya dijual pada harga RM28 sekilogram manakala belut albino dijual kepada kedai haiwan peliharaan di Kuala Lumpur RM100 seekor," katanya di sini, semalam.

Dikenali dengan pangilan Yo Belut dalam kalangan peniaga,

Muhamad dibantu isterinya, Izzati Yusof, 29, menghantar bekalan kepada pelanggan di sekitar Kuala Terengganu bagi memenuhi permintaan.

Beliau memertukan lebih 1.3 tan bekalan sebulan, namun jumlah itu tidak mencukupi untuk dipasarkan ke seluruh Terengganu.

"Biasanya, saya membuat penggiliran bagi memastikan semua pelanggan mendapat bekalan dalam tempoh sebulan.

"Belut tidak seperti ikan air tawar, ia tahan lasak dan mudah diuruskan selain stok tidak perlu disimpan lama kerana semuanya ditempah.

"Sepanjang dua tahun berkecimpung dalam bidang ini, hanya 15 hingga 20 ekor belut albino ditemui dan semuanya saya jual kepada kenalan di Kuala Lumpur," katanya.



Muhamad Zulkifli menunjukkan belut yang diperolehi daripada pembekal sebelum dipasarkan. (Foto Nazdy Harun/BH)

Penanaman selingan jamin kelestarian sumber makanan



Oleh Dr. Maryana Mohamad Nor
bhrencana@bh.com.my

Empat dimensi utama dalam Dasar Sekuriti Makanan, iaitu ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan bekalan makanan sepanjang rantaian nilai makanan meliputi keselamatan makanan dan pemakanan di negara ini diakui sudah dipenuhi.

Bagaimanapun, persoalan penting perlu diperhatikan adalah berapa lamakah bekalan makanan kita dapat bertahan dengan merujuk kepada keempat-empat dimensi itu?

Kelestarian sumber makanan menjadi kunci utama dalam memantapkan sekuriti makanan sedia ada hingga memerlukan negara mempunyai perancangan jangka panjang dan strategik bagi mengatasi krisis bekalan makanan.

Oleh itu, usaha atau penyelesaian menangani isu kekurangan sumber makanan dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya kunci utama ini terjamin, iaitu melaksanakan penanaman selingan atau berlainan tumbuhan di sekitar kawasan sama.

Teknik penanaman selingan dapat digunakan dengan mengamalkan penanaman jagung dan kekacang. Kajian membuktikan penanaman selingan jagung dan soya dalam nisbah 50:50 mampu meningkatkan kualiti silaj jagung, hasil protein serta mengurangkan penggunaan baja kimia berbanding amalan penanaman jagung tunggal.

Ini dapat meningkatkan hasil tanaman dan kualiti jagung, sekali gus mengurangkan kebergantungan baja kimia dengan penggunaan campuran baja organik. Selain tahu ayam sebagai baja organik, kaedah kitar semula sisa buangan makanan boleh diperolehi dari kedai makan, pasar dan kawasan perumahan juga patut dilaksanakan, sekali gus

mengatasi masalah peningkatan kos baja. Kelestarian sumber makanan juga dapat dipas-tikan dengan menggantikan sumber makanan ruji menggunakan tanaman lain seperti menggalakkan penanaman ubi kepada petani atau boleh menjadikannya sebagai penanaman selingan. Ini mampu menjadi alternatif sumber karbohidrat seperti bijirin, selain mengatasi kenalkan kos bijirin.

Antara alternatif lain, penggunaan biji nangka sebagai tepung menggantikan penggunaan tepung gandum. Biji nangka sangat berpotensi dalam pembuatan tepung kerana memiliki kandungan gizi cukup tinggi, iaitu karbohidrat, protein, tenaga serta memiliki kandungan mineral seperti fosfor, kalsium dan besi.

Kelestarian sumber makanan juga dapat dipastikan dengan menggantikan sumber makanan ruji menggunakan tanaman lain

Pada masa sama, keperluan minyak masak di pasaran dunia semakin meruncing berikutan kekurangan bekalan minyak bunga matahari tidak dapat dielakkan.

Bagi memenuhi permintaan minyak masak di pasaran, minyak sawit tempatan mampu menggantikan dan memenuhi keperluan ini dengan menambahkan pengeluaran serta keluasan tanah bagi penanamannya di negara ini.

Inisiatif ini nampaknya disambut baik Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) bagi menangani kekurangan bekalan dan menyambung kelangsungan makanan ruji negara.

Kajian terhadap pengusaha tanaman dan ternakan perlu dijalankan bagi meneliti semula penggunaan tanah bersesuaian dan optimum dengan keperluan negara. Penggunaan tanah bagi keperluan aktiviti pembangunan memberi impak negatif kepada pengeluaran makanan juga perlu dihentikan.

Usaha perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dalam perladangan, penternakan dan akultur melalui internet kebendaan (IoT), jentera dan bioteknologi bagi memenuhi keperluan sara diri. Ia diamalkan negara seperti Australia, China, Thailand dan Singapura yang terbukti meningkatkan kualiti dan kuantiti penanaman serta penghasilan ke tahap optimum.

Seiring dengan itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menubuhkan Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) sebagai Pusat Kecemerlangan daripada Kluster Penyelidikan Kesejahteraan dan Sekuriti Makanan (RCWFS) dalam usaha membantu sekuriti makanan negara.

IFSSA bergerak seiring matlamat Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2, iaitu sifar kelaparan, mencapai matlamat sekuriti makanan bagi mengukuhkan kedudukan indeks sekuriti makanan global negara serta menggalakkan agro industri pertanian mampan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Kertas siasatan kegiatan kartel ayam dibentang minggu depan

Pembentangan tentukan keputusan syor atau tindakan bakal diambil

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas siasatan yang menghubungkan kartel ayam yang sedang dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan dibentangkan kepada anggota suruhanjaya itu, minggu depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pembentangan itu bagi menentukan keputusan cadangan atau tindakan bakal diambil terhadap pihak terlibat dalam + Ripada hasil siasatan.

"Kertas siasatan berkenaan akan dibentangkan kepada ang-

gota suruhanjaya pada 27 Jun ini," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Sebelum ini, *BH* melaporkan MyCC kini dalam peringkat akhir melengkapkan siasatan terhadap sekumpulan syarikat dalam rantaian bekalan ternakan ayam berhubung kemungkinan wujud kartel yang mempengaruhi harga dan bekalan.

Laporan sebelum ini menyebut syarikat terlibat terdiri dari pada pengimport dan pengeluar sebagai komponen industri utama dalam pembekalan ayam di negara ini yang disiasat mengikut Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

Kertas siasatan akan dibentangkan kepada anggota suruhanjaya pada 27 Jun ini

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sebelum ini turut menyatakan siasatan MyCC berhubung laporan wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat besar akan selesai pada Jun.

Pada masa sama, Alexander berkata, siasatan itu kini masih pada peringkat akhir dan belum selesai sepenuhnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata keputusan cadangan yang menetapkan tindakan diambil berhubung siasatan kartel ayam terlibat dijangka diper-

Beliau berkata, keputusan cadangan itu akan hanya ditetapkan selepas kertas siasatan dibentangkan kepada semua anggota suruhanjaya pada 27 Jun ini.

"Melalui pembentangan kertas siasatan ini, kita tidak memanggul syarikat yang sedang disiasat sebaliknya hanya anggota suruhanjaya.

"Selepas itu, keputusan cadangan akan dikeluarkan dan kita jangka kes ini boleh diselesaikan secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata, sebalak selesai kelak, pihaknya menjangka persaingan dalam industri ayam boleh ditingkatkan, sekali gus me-

nambah bekalan di pasaran. Katanya, sepanjang tahun ini MyCC mempunyai lebih 20 kes siasatan termasuk penipuan biada, namun pihaknya memberi tumpuan dan keutamaan terhadap isu kartel ayam terlebih dahulu.

"Kita tidak mahu melakukan siasatan secara tergojoh-gojoh kerana tidak mahu nanti pihak yang sepatutnya perlu bertanggungjawab, akan terlepas.

"Disebabkan kami berdepan kekurangan kakitangan, kami perlu meletakkan kes lain ke tepi dulu dan memberi keutamaan terhadap siasatan kartel ayam ini," katanya.



Melalui pembentangan kertas siasatan ini, kita tidak memanggil syarikat yang sedang disiasat sebaliknya hanya anggota suruhanjaya

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

UNINTENDED CONSEQUENCES

Govt should rethink food security measures

THE announcement on food security policy deserves a revisit to ensure a net benefit between short-term expected outcome and long-term unintended consequences.

Among the strategies are adjusting the price ceiling of food, tasking government-linked companies with driving the supply chain and using idle land. But these strategies need rethinking as the long-term losses may outweigh short-term benefit.

First, moving the ceiling price does benefit producers and consumers as stable prices are assured in the short term. However, stable price does not bring growth and innovation in the long term, as there would be little incentive for producers and traders to innovate and create new products or services.

A competitive market with price variations makes market participants innovate to survive and invest to improve efficiency and productivity.



**FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD**

The latter will increase capital formation on farms, which has been static for years. Note that 90 per cent of padi farmers and a high percentage of vegetable growers are in the bottom 40 per cent of earners. This is largely due to low price, high production cost and hence, small margins. Increase in price provide an opportunity for farmers to explore ways to optimise input use and to get out of the rut of low prices for years. Note that low food prices hurt poor farmers because any benefit from lower prices is outweighed by a decline in income.

Experiences from the padi in-

dustry prove the above points. After years of import monopoly and price controls, the industry shows little growth.

Price controls result in fixed margins; hence restricting the ability of farmers and millers to reinvest to improve efficiency and productivity. Padi farmers remain poor while traders resorted to mixing poor and good quality rice for additional profit.

After more than five decades of protection, there is little growth in the downstream sector with the exception of the production of *mee hoon* and rice flour.

Similarly, market centres are numerous, such as hyper and supermarket, small retailers, online businesses, and night markets in rural and urban areas.

Domestic food deficit can be compensated through imports as long as consumers have the purchasing power. However, it does not solve the problem of below-optimal production.

Generally, consumers will adjust expenditure, dietary habits

and lifestyle when inflation hits. However, the government must support the poor through cash aid and food coupons.

Second, the government has long campaigned against middlemen. Under the new policy, the government intends to involve GLCs in the supply chain of agriculture as intermediaries as well as logistic providers. Since GLC are government investment arms, the government is the new middleman.

Experience has shown that government involvement in business is rarely efficient and laden with mismanagement, for instance, Lembaga Padi Beras Negara, FGV and Tabung Haji.

GLCs may exert their market power and create a high entry barrier to new entrants.

A monopolistic and oligopolistic market structure is not equitable and competitive, and incurs a high fiscal burden on the government. The involvement of government in the supply chain is crowding the market at the ex-

pense of dynamism, equity, growth and innovation.

Instead, encourage cooperatives to be involved in supply chain activities for the benefit of their members, following the Taiwanese or Korean models. Farmers' cooperatives in these countries sell their produce through their own hypermarkets, whereas our cooperatives are struggling with production and marketing problems.

Other alternatives include direct selling by farmers through night markets, online, production and marketing contracts.

Third, idle land. A rental land market can be created to ease transaction between owner and tenant. This has been implemented in countries such as China.

fatima@upm.edu.my

The writer is a senior fellow at the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) and fellow at the Laboratory of Agricultural and Food Policy Studies, Universiti Putra Malaysia